# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH PAHANG.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Peneranagan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | • Taman Bahagia<br>• Taman Bahagia Indah<br>• Taman Bahagia Makmur<br>• Taman Bahagia Permai<br>• Taman Bahagia Courts<br>• Seluruh Kampung Padang Lalang<br>• Taman Perumahan Sri Kemuning<br>• Flat Sri Kemuning<br>• Taman Temerloh Jaya<br>• Taman Temerloh Jaya Indah<br>• Taman Temerloh Makmur<br>• Seluruh Felda Lakum<br>• Kampung Paya Keladan<br>• Taman Keladan Indah |
| Tempoh Berkuatkuasa | 24 Julai 2021 (12.01 pagi) sehingga 06 Ogos 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, KKM, APM, PBT, RELA dan agensi kerajaan lain yang diturunkan kuasa di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).<br>• Semua laluan **keluar masuk PKPD ditutup.**<br>• Semua penduduk di kawasan terlibat **tidak dibenarkan keluar** daripada rumah/kediaman masing-masing.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada **seorang (1) wakil isi rumah** untuk mendapatkan **bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas** dalam radius tidak melebihi 10 km dari kediamannya atau tempat paling hampir dengan kediamannya sekiranya bekalan keperluan tersebut tiada dalam radius 10 km dari kediamannya.<br>• **Maksimum dua (2) orang** sahaja termasuk pesakit dibenarkan keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan dan vaksinasi dalam radius tidak melebihi 10 km dari kediamannya atau ke tempat yang paling hampir dengan kediamannya sekiranya perkhidmatan tersebut tiada dalam radius 10 km dari kediamannya. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH, PAHANG.

**Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Pengecualian diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah yang mengusahakan pertanian tanaman dan ternakan bagi tujuan penjagaan tanaman dan ternakan mereka dengan syarat individu tersebut tidak dalam arahan kuarantin KKM, dan tertakluk kepada kebenaran PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit atau kematian, penduduk **DIBENARKAN** untuk keluar zon dengan kelulusan PDRM. Pertimbangan boleh diberikan oleh **pihak PDRM dan KKM** berdasarkan *case to case basis*.<br>• Tiada sebarang pergerakan tidak perlu di luar kawasan kediaman selepas jam 8.00 malam kecuali bagi kes-kes kecemasan atau mendapat kebenaran PDRM. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM<br>• Mana-mana individu yang telah dikenakan **Arahan Kuarantin di Rumah (HSO) TIDAK DIBENARKAN** keluar kediaman.<br>• KKM akan melaksanakan saringan bersasar kepada penduduk yang telah dikenalpasti.<br>• Kebenaran untuk bekerja **hanya bagi Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*** sahaja.<br>• Sektor **Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)*** juga adalah **termasuk** tetapi tidak terhad kepada Petugas Pusat kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan, Hospital, Pasukan Keselamatan, Pihak Berkuasa Agama Negeri, Penguatkuasa dan lain – lain agensi yang diputuskan dari masa ke semasa.<br>• **Pekerja selain daripada Perkhidmatan Perlu *(Essential Services)* TIDAK DIBENARKAN keluar dari kawasan PKPD.** Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah *(work from home).* |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH, PAHANG.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Restoran, kedai/gerai makan, medan selera/pusat penjaja **DIBENARKAN** beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Aktiviti penjajaan tepi jalan, penjaja beredar dan *food truck* **TIDAK DIBENARKAN** .<br>• Pembelian makanan secara bawa pulang *(take away),* pandu lalu *(drive-thru)* atau penghantaran *(delivery)* sahaja **DIBENARKAN**. ***Dine-in*** **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Kedai runcit, kedai serbaneka, kedai barangan keperluan harian **DIBENARKAN** beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Hospital, klinik dan makmal perubatan **DIBENARKAN** beroperasi sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran.<br>• Kedai farmasi dan kedai penjualan ubat-ubatan **DIBENARKAN** beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan **DIBENARKAN** beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Pasar awam & pasar borong **DIBENARKAN** beroperasi bermula 6.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja.<br>• Pasar harian, pasar tani, pasar malam, *car boot sale* dan bazar larut malam **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH, PAHANG.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Semua bentuk majlis sama ada rasmi atau tidak** adalah **TIDAK DIBENARKAN** termasuk semua aktiviti sosial, rekreasi dan budaya.<br>• Aktiviti masjid & surau **DIBENARKAN** untuk azan dan solat berjemaah dengan kehadiran **tiga (3) orang** pegawai masjid/surau dan seorang AJK tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh **Pihak Berkuasa Agama Negeri**.<br>• Solat Jumaat **DIBENARKAN** di dalam kawasan PKPD dengan kehadiran **dua belas (12) orang** kariah sahaja, kecuali dinasihatkan tutup oleh Pejabat Kesihatan Daerah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh **Pihak Berkuasa Agama Negeri.**<br>• Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam terhad kepada **perkara asas sahaja** dan berdasarkan kepada kebenaran oleh **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.**<br>• Mereka yang mempunyai temu janji vaksinasi **DIBENARKAN** keluar untuk divaksin dengan mengemukakan dokumen temu janji.<br>• Bagi mereka yang mempunyai temu janji tetapi **dipakaikan gelang**, **TIDAK DIBENARKAN** untuk divaksin mengikut tarikh temu janji dalam tempoh PKPD. Mereka hendaklah menghubungi pusat vaksinasi untuk mendapatkan temu janji yang baharu.<br>• Bantuan Bekalan Makanan Kering akan diberikan kepada isi rumah yang **BERKELAYAKAN** dan / atau yang **MEMAKAI GELANG SAHAJA** dan diagihkan oleh Kerajaan. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH, PAHANG.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pusat Asuhan Kanak Kanak, Tabika, Taska, Tadika dan Pusat Jagaan Harian | • Pusat asuhan/jagaan kanak-kanak, tabika, taska, tadika swasta **DIBENARKAN** hanya untuk ibu bapa/penjaga yang terlibat dalam sektor keselamatan, kesihatan dan penguatkuasaan sahaja mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan. Premis berkenaan perlu mengemukakan permohonan untuk beroperasi kepada PKOB.<br>• Ibu bapa atau penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak **DIBENARKAN** menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.<br>• Pusat jagaan harian atau pusat rehabilitasi bagi Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, dan pusat jagaan pelbagai **DIBENARKAN** beroperasi. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) EMPAT BELAS (14) LOKALITI DALAM DAERAH TEMERLOH, PAHANG.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; &
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktivti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; &
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; &
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN *(Negative List)*** | |
| Aktiviti Ekonomi | • Sektor ekonomi selain daripada yang disenaraikan sebagai Perkhidmatan Perlu.<br>• SPA, refleksologi, pusat urut, *wellness*, pusat kecantikan, gunting rambut dan perkhidmatan *pedicure dan manicure.* |
| Aktiviti Sukan & Rekreasi | Semua aktiviti sukan dan rekreasi (*indoor & outdoor*) adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Taman-taman awam ditutup. |
| Lain-Lain Yang Tidak Dibenarkan | • Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Lain lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |